



1100089137



LP 27 FPE 1 2010



1100089137

Persepsi penduduk terhadap pembangunan pelancongan di Port Dickson / Mogana Sooriyanarayanan.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

1100089137	

Lihat Sebelah

**PERSEPSI PENDUDUK TERHADAP PEMBANGUNAN  
PELANCONGAN DI PORT DICKSON**

**MOGANA A/P SOORIYANARAYANAN  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAHINI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
PENGAJIAN**

**FAKULTITI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
(UMT)  
2010**

## **PENGAKUAN**

Saya akui kertas projek (EKN 4399 A/B) ini adalah hasil saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukannya.

28 MAC 2010

.....  
S. Mogana  
MOGANA A/P  
SOORIYANARAYANAN

(UK14680)

## **DECLARATION**

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399A/B) is the result of my own finding, except where otherwise stated.

28 MARCH 2010

.....  
S. Mogana  
MOGANA A/P  
SOORIYANARAYANAN

(UK14680)

## PENGHARGAAN

Salam sejahtera,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah saya di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), iaitu **Prof. Madya. Dr Fauziah Binti Abu Hasan** yang telah banyak memberi dorongan dan sokongan dalam menjalankan kertas projek di samping memberi tunjuk ajar yang sangat berguna dalam menyiapkan laporan kertas projek ini. Beliau juga tidak jemu-jemu memberikan pandangan dan cadangan yang bernalas dalam menyiapkan laporan kertas projek ini.

Seterusnya, tidak ketinggalan juga untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang turut melengkapkan dan melancarkan lagi proses untuk menyiapkan laporan kertas projek saya sehingga ke tahap ini. Sesungguhnya, tanpa maklumat dan cadangan yang diberikan oleh rakan-rakan saya, maka kemungkinan laporan saya tidaklah lengkap sehingga ke peringkat ini.

Tidak lupa juga ucapan istimewa terima kasih yang tidak terhingga saya tunjukkan kepada ibi bapa serta ahli keluarga yang telah banyak berkorban dan sentiasa memberi galakkan kepada saya dari dulu hingga kini. Oleh yang demikian, segala bantuan, galakan, sokongan dan semua maklumat yang telah dipelajari dan diberikan tunjuk ajar oleh semua pihak yang terlibat sesungguhnya memberikan banyak inspirasi dan pengetahuan yang sangat berguna kepada saya. Akhir kata, semoga apa yang telah dipelajari semasa menjalani kertas projek dapat dipraktikkan dengan baik. Terima kasih juga kami ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang memberi sumber rujukan dan maklumat kepada saya sepanjang saya menyiapkan projek ini.

Sekian,

MOGANA A/P SOORIYANRYANAN  
[sweety\_mona06@yahoo.com] @ [mona\_5687@live.com]

## **ABSTRAK**

Pada masa kini, pelancongan telah memainkan peranan yang penting dalam ekonomi sesuatu negara. Pembangunan pelancongan pada sesuatu tempat telah mempengaruhi persepsi penduduk pada kawasan tersebut dari segi ekonomi, sosial dan ekologi (alam sekitar). Tahap keefisienan sesuatu tempat pelancongan akan memberikan persepsi penduduk menjadi lebih positif. Bandar Port Dickson dikenali sebagai tempat pelancongan yang utama di Malaysia. Ini kerana bandar ini mempunyai pembangunan pelancongan yang semakin pesat dan lebih terkenal sebagai tempat rekreasi oleh penduduk tempatan. Tujuan utama kajian ini dibuat adalah untuk menganalisis hubungan persepsi penduduk terhadap pembangunan pelancongan di Port Dickson. Sampel kajian yang dipilih terdiri daripada penduduk tempatan bandar Port Dickson. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis regresi berbilang dan analisis pengujian t. Satu model telah dibina untuk melihat hubungan antara kepuasaan penduduk dengan faktor-faktor yang dijangkam mempengaruhinya. Hasil kajian mendapati pendapatan isi rumah dan kepuasaan penduduk mempunyai hubungan yang positif. Beberapa cadangan turut dikemukakan bagi meningkatkan lagi persepsi penduduk antaranya melalui meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan di sekitar bandar Port Dickson dan penubuhan satu penguatkuasa untuk mengimbangkan pembangunannya mengikut konsep pembangunan iaitu dari segi ekonomi, sosial dan ekologi.

## **ABSTRACT**

At present, tourism has played an important role in the economy of a country. Tourism development at a particular place has influenced the perception of people in the areas of economic, social and ecological (environmental). The level of efficiency of a tourist will give the local residents a more positive view of tourism. Port Dickson is known as a popular tourist destination in our country. This is because the city has a higher development of tourism and is more popular as a place for recreation by local residents. The main purpose of this study was to analyze the perception of the local residents on the development of tourism in Port Dickson. Study sample consisted of selected local Port Dickson residents. The methodology used in this study was multiple regression analysis and t- test. A model was constructed to see the relationship between resident satisfaction with factors that might the level of satisfaction influence. The result of the study showed that household income and people's satisfaction have a positive relationship. Several suggestion were given to further enhance the perception among the local residents through improving the facilities around the city of Port Dickson and the establishment of an enforcement unit to balance the process of development in accordance with the concept of sustainable development in economic, ecology and social.